

01/05/1999

SHIT perlu dilihat dari segi etika, moral

SAYA tidak akan mengulas novel terbaru Tokoh Sasterawan Negara, Datuk Prof Shahnon Ahmad berjudul SHIT kerana saya belum berkesempatan membacanya. Buku itu sukar didapati di pasaran. Bagaimanapun saya ingin mengulas kontroversi mengenai buku itu yang begitu menarik sekali. Tidak dinafikan, kontroversi, SHIT adalah persoalan paling hangat mengenai kesusasteraan yang pernah tercetus sejak beberapa waktu yang lalu. Dalam waktu yang singkat saja, isu novel terbaru Shahnon itu membabitkan beberapa menteri, beberapa tokoh sasterawan negara, tokoh politik serta penulis termasuk hampir seluruh media negara ini.

Shahnon dalam kenyataannya kepada media menerangkan bukunya tidak ditujukan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Shahnon bersedia membincangkan bukunya dengan sesiapa saja. Katanya, buku itu berupa sebuah `satira' ditulis untuk menyedarkan orang supaya berfikir dan menyesal atas kesalahan mereka. Tambah beliau, itulah maksud sebuah `satira', yang tidak bermaksud memaksa orang bertindak.

Walau apapun maksud baik yang mendorong Shahnon menulis bukunya yang terbaharu itu, tidak dinafikan kesannya pada sesetengah pembaca amat negatif hingga mereka marah, kesal, jijik dan hampa terhadap buku itu.

Shahnon menerangkan lagi bahawa dia menggunakan daya imaginasi, daya kreativiti dan kepekaannya untuk melahirkan realiti keadaan politik yang kini berbau begitu busuk sekali di negara ini hingga ia tidak dapat dipercayai. Lebih lanjut, dia menyatakan watak-watak dalam novel itu adalah sebahagian daripada daya imajinasinya dan tidak didasarkan pada sesiapa pun yang istimewa. Shahnon tidak keberatan bukunya diharamkan dan dia tidak fikir mereka yang menyarankan bukunya itu diharamkan memahami apakah pengertian sastera yang sebenarnya. "Mereka melihat sastera dari sudut yang sempit ... Saya adalah seorang profesor sastera ... Maka itu barang siapa yang hendak mencerca buku itu saya nasihatkan agar belajar mengenai kesusasteraan," kata Shahnon lagi.

Shahnon mengecam Datuk Abdullah Hussein, Tokoh Sasterawan Negara, yang berkata dia berasa berdosa sekiranya dia membaca novel Shahnon itu. Shahnon membalas kemudiannya bahawa Abdullah adalah seorang tukang cerita biasa dan tidak memahami sastera ... dia tidak ada wawasan ... cerita-ceritanya sentiasa meleret-leret ... Jelas, Shahnon tidak begitu senang menerima kritikan walaupun daripada teman yang juga seorang tokoh sasterawan negara.

Untuk berlaku adil kepada Shahnon, sebenarnya belum tersiar sebuah tulisan yang sekira-kira lengkap menganalisis novelnya yang terbaru itu. Apa yang tersiar cuma ulasan singkat saja. Dengan demikian pembaca tidak dapat membuat penilaian yang agak objektif terhadap buku itu. Kritikan terhadap buku itu nampaknya berkisar pada kelucahan buku itu. Namun setakat mana kelucahan itu tidak pula jelas, melainkan seperti yang diterangkan oleh mereka yang sudah membaca buku itu bahawa kelucahan itu menjijikkan dan tidak wajar ditulis oleh seorang sasterawan yang terkenal seperti Shahnon.

Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji buku itu berdasarkan Akta Percetakan dan Penerbitan 1984. Adakah buku itu akan diharamkan? Beberapa tokoh sasterawan menyarankan Shahnon wajar diberikan kebebasan untuk menyatakan pendapatnya. Namun pihak lain pula menekankan kebebasan itu wajar dihayati penulis dengan penuh tanggungjawab.

Berdasarkan penjelasan Shahnon bahawa karyanya itu berupa satu satira

dan lahir daripada daya imajinasinya, barangkali sukar untuk mengaitkan buku itu kepada sesiapa. Tambah pula Shahnnon adalah seorang sasterawan yang matang dengan pengalaman. Mengkritik pemimpin negara bukan satu hal yang baru buat Shahnnon. Malah, beliau pernah dikecam keras kerana bahasa yang digunakan dalam beberapa karyanya dianggap lucu oleh pengkritik.

Shahnnon menyarankan agar diadakan majlis perbincangan untuk meneliti novelnya secara terbuka. Dua Tokoh Sasterawan Negara - Datuk Dr Usman Awang dan Dr Mohamad Salleh - menganjurkan Shahnnon diajak menyertai satu majlis dialog tanpa emosi. "Kita harus memberi kesempatan kepada beliau membela diri," kata Mohamad.

Siapakah yang sanggup menaja dialog seumpama itu? Dapatkah kontroversi itu menjadi reda atau adakah ia akan lebih marak selepas itu? Polemik mengenai sastera jarang sekali berhasil menjernihkan persoalan atau menghilangkan kesamaran. Polemik mengenai persoalan sastera sering berlaku pada masa lalu tetapi ia tidak juga membawa kepada kejernihan persoalan apa lagi menyelesaikan perbezaan.

Seingat saya buku SHIT adalah isu paling hangat sejak beberapa tahun ini. Untuk pertama kali Shahnnon digugat secara terbuka untuk membela diri. Dalam sejarah sastera moden Melayu, belum pernah sebuah karya disenaraihitamkan oleh kerajaan. Apa yang pernah dilarang ialah buku agama yang dianggap menyebarkan ajaran yang boleh menyesatkan akidah masyarakat Islam. Bahkan Anak Mat Lela Gila dan Puteri Gunung Tahan walaupun begitu menggemparkan dalam zamannya tidak pun dilarang oleh British.

Ada dua aspek daripada buku SHIT yang nampaknya menjadi perhatian iaitu bahasanya yang dikatakan lucu dan sasaran `satiranya' yang dikatakan ialah kepemimpinan negara. Kita mengharapkan pertimbangan terhadap buku itu dilakukan tanpa dipengaruhi oleh sebarang prasangka melainkan berpijak pada pertimbangan nilai etika dan moral.

(END)